

06 JUN 2000

Fong-Ling/I

MASYARAKAT CINA MAHU DR LING TERUS KEKAL, KATA CHAN ONN

SHAH ALAM, 6 Jun (Bernama) -- Masyarakat Cina mahu Menteri Pengangkutan dan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik terus mewakili mereka dalam kabinet, kata Menteri Sumber Manusia Datuk Fong Chan Onn hari ini.

Beliau berkata masih terdapat banyak lagi kerja yang perlu dilakukan oleh beliau bagi masyarakat itu.

Ini terbukti daripada begitu banyak rayuan yang dibuat oleh MCA dan pemimpin masyarakat Cina yang meminta Dr Ling menimbang semula keputusannya untuk meletakkan jawatan kabinetnya.

"Kami mahukan beliau kembali kerana terdapat banyak kerja yang perlu dibuat oleh beliau bagi masyarakat ini dan kami akan teruskan dengan rayuan kami," katanya kepada pemberita selepas diminta mengulas kepulangan Dr Ling daripada bercuti ke luar negara semalam.

Terdahulu, Fong merasmikan program latihan dalam bidang Perkhidmatan Enjin Elektrik dan Sistem Elektronik di Pusat Bagi Pengajar dan Latihan Kemahiran Lanjutan (CIAST), di sini. Program latihan itu adalah kerjasama antara kerajaan Malaysia dan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA).

Sepuluh warga asing dan dua warga tempatan akan dilatih di bawah program latihan selama sebulan itu.

Dr Ling mengejutkan negara pada 22 Mei apabila beliau mengumumkan keputusannya untuk meletakkan jawatan kabinetnya dan ramai orang dari dalam dan luar parti itu merayu agar beliau menimbang semula keputusannya itu.

Beliau mengambil cuti dari 26 Mei, mengambil kira nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar beliau bercuti untuk memikirkan perkara itu.

Sekembalinya dari Perth, Australia semalam, Dr Ling enggan menyatakan sama ada beliau akan meletakkan jawatan kabinetnya atau terus kekal dan meminta diberi tempoh beberapa hari lagi sebelum membuat pengumuman mengenai pendiriannya.

Fong juga berkata Dr Ling kelihatan sihat dan amat tenang setibanya di tanah air dan telah menyatakan yang beliau amat terharu dengan begitu banyak rayuan yang dibuat agar beliau menimbang semula hasratnya untuk meletakkan jawatan sebagai menteri.

Sebelum itu, pada majlis itu, Fong berkata dengan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi, kementerian berkenaan telah menggariskan untuk memberi keutamaan kepada kursus-kursus IT.

Beliau berharap lebih banyak kerjasama antara kerajaan Malaysia dan Jepun dapat dijalin dalam bidang itu.

Fong juga berkata kementerian itu juga komited dalam usahanya untuk menjadi penyedia latihan utama, bukan sahaja di negara ini tetapi juga di rantau ini.

-- BERNAMA

KM RHM RON